



## SEKSYEN 33(1) AKTA CUKAI PENDAPATAN

1967

**KRKB**

**V.**

### **KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI MOF.PKCP.700-7/1/1861**

Pembayar Cukai adalah sebuah koperasi yang telah ditubuhkan pada 21.01.2011 dan menikmati pengecualian cukai lima (5) tahun di bawah Perenggan 12(1)(a) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967. Pembayar Cukai mula dikenakan cukai pada Februari 2016.

Aktiviti utama Pembayar Cukai adalah menjalankan perniagaan pajak gadai (Ar-Rahnu) melalui projek usahasama dan francais. Bagi menjalankan aktiviti perniagaan tersebut, Pembayar Cukai telah menubuhkan Tabung Pelaburan 2 (“TP2”) dan satu aturan bertulis iaitu Aturan Tabung Pelaburan 2 telah diluluskan oleh Pembayar Cukai. Bagi tahun taksiran (“TT”) 2017, Pembayar Cukai telah membuat agihan pulangan atas pelaburan anggota berjumlah RM392,194.50 berdasarkan keuntungan yang diperolehi melalui TP2. Pembayar Cukai telah menuntut agihan Pulangan Atas Pelaburan Anggota tersebut sebagai perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”).

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) telah membangkitkan Taksiran Tambahan bagi TT 2017 pada 15.02.2021 kerana KPHDN berpendirian bahawa pihak Pembayar Cukai tidak layak menuntut Pulangan Atas Pelaburan Anggota tersebut sebagai perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33(1) ACP 1967. Semasa tempoh pengecualian cukai, Pembayar Cukai tidak menuntut pulangan atas pelaburan tersebut sebagai perbelanjaan sebaliknya merekodkan jumlah pulangan atas pelaburan sebagai bayaran dividen kepada anggota koperasi.

Pembayar Cukai berhujah bahawa perbelanjaan yang dilakukan bukanlah perbelanjaan dividen. Pembayar Cukai menyatakan bahawa perbelanjaan yang dilakukan membawa maksud yang sama dengan ‘faedah’ menurut seksyen 2(7) ACP 1967. Oleh yang demikian, Pembayar Cukai telah menyifatkan nilai perbelanjaan RM392,194.50 sebagai faedah bagi tujuan layanan cukai. Perbelanjaan ini telah direkodkan sebagai “Pulangan Atas Pelaburan Anggota” dalam Akaun Beraudit Pembayar Cukai bagi TT 2017.

KPHDN berhujah bahawa Pulangan Atas Pelaburan Anggota bukanlah satu keuntungan *in lieu of interest* yang dimaksudkan di bawah seksyen 2(7) ACP 1967. Transaksi TP2 walaupun dijalankan berdasarkan prinsip syariah iaitu al-mudharabah, keuntungan yang terbit daripada transaksi tersebut bukanlah satu keuntungan *in lieu of interest* kerana keuntungan *in lieu of interest* yang terbit daripada transaksi berasaskan syariah di bawah seksyen 2(7) ACP 1967 adalah merujuk kepada transaksi pembiayaan syariah yang merupakan alternatif kepada transaksi pinjaman berdasarkan skim konvensional. Oleh itu, Pulangan Atas Pelaburan Anggota tersebut bukanlah satu perbelanjaan dalam menghasilkan pendapatan kasar yang layak mendapat potongan perbelanjaan di bawah seksyen 33(1) ACP 1967.

Pada 18.12.2023, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan telah mengesahkan dan mengekalkan Taksiran Tambahan yang dibangkitkan oleh KPHDN dan memutuskan bahawa Pembayar Cukai tidak berjaya membuktikan rayuan berdasarkan perenggan 13, Jadual 5 ACP 1967.

#### *Nota Editorial:*

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*